

Terlalu bergantung pada sungai punca diserang buaya

KOTA KINABALU: Terlalu bergantung kepada sungai adalah punca kepada serangan buaya terhadap manusia, selain pencerobohan dan pencemaran melibatkan habitat reptilia, kata Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Abdul Hamid Ahmad.

Justeru, kata beliau, tindakan menyediakan bekalan air kepada penduduk di pedalaman serta pelan pembangunan yang baik boleh membantu mengurangkan serangan haiwan ini terhadap manusia.

“Berdasarkan kajian oleh UMS di Paitan, kami mendapati serangan berlaku pada awal pagi dan lewat tengahari melibatkan aktiviti seperti mandi dan mendapatkan sumber air dan ini secara jelas menunjukkan waktu kemuncak penggunaan air,” katanya.

Menurut Dr Abdul Hamid, kajian selama lapan bulan itu telah diadakan di sepanjang 27 kilometer bermula dari jambatan Paitan ke muara sungai, meliputi lokasi lima serangan yang berlaku sejak 2000.

“Terdapat 29 buah kampung sepanjang sungai selain sebuah sekolah dan buaya selalu dilihat di kawasan ini,” katanya ketika ditemui di



DR ABDUL HAMID

Bengkel Antarabangsa Konflik Manusia-Buaya (HCC) di sini kelmarin.

Beliau adalah salah seorang pembentang pada bengkel berkenaan.

Katanya, walau penduduk di kawasan ini dibekalkan dengan tangki air, namun mereka masih perlu turun ke sungai untuk mendapatkan sumber air ketika musim kemarau. Namun, katanya, penduduk lebih cenderung mandi atau membersihkan di sungai berbanding mengangkut air ke rumah.

Berbeza dengan Paitan, katanya, Klias juga mempunyai populasi buaya yang tinggi namun serangan buaya tidak begitu berlaku kerana penduduk

di kawasan ini tidak bergantung kepada sumber air dari sungai, selain tidak lagi tinggal di kawasan tebing sungai.

“Serangan lebih kerap di kawasan seperti Kinabatangan, Paitan, Kalumpang dan Segaliud. Kawasan ini adalah antara yang tercemar oleh bahan buangan dan sisa perladangan.

“Setiap sungai tercemar kerana penggunaan tanah terutamanya pembukaan kawasan hutan untuk aktiviti perladangan ... jadi, apabila sungai tercemar kerana apa jua faktor, ia akan memberi kesan kepada biologi sungai dan ini akan mengurangkan populasi ikan yang menjadi makanan mereka,” katanya.

Bagaimanapun, jelasnya, terdapat kes yang buaya masih boleh hidup di kawasan sungai yang tercemar seperti di Sg Kalabakan, yang merupakan sungai yang panjang dan dikelilingi ladang kelapa sawit.

“Tetapi, kita memerlukan kajian yang berterusan untuk usaha pemuliharaan buaya ini, selain masih banyak sungai di negeri ini yang memerlukan pemantauan,” katanya yang berharap institusi itu dapat membantu Jabatan Hidupan Liar mewujudkan protokol terbaik untuk pemuliharaan buaya.